



UUM
Universiti Utara Malaysia

GARIS PANDUAN

**PENYEDIAAN PROGRAM DWI IJAZAH,
DUAL IJAZAH DAN IJAZAH BERSAMA**

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

JAWATANKUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PROGRAM DWI IJAZAH, DUAL IJAZAH DAN IJAZAH BERSAMA.....	i
PRAKATA	ii
GLOSARI.....	iii
SINGKATAN	iv
BAB1: GARIS PANDUAN PROGRAM DWI IJAZAH (DOUBLE DEGREE).....	1
1. Pengenalan.....	1
2. Takrifan dan Huraian	1
3. Pelaksanaan Program	1
3.1 Syarat Kemasukan dan Pendaftaran Program.....	2
3.2 Memorandum Perjanjian (MoA)	3
3.3 Yuran Pengajian.....	3
3.4 Tempoh Pengajian	4
3.5 Pembangunan Kurikulum	4
3.6 Penyeliaan	5
3.7 Pentaksiran	5
3.8 Harta Intelek.....	6
3.9 Kemudahan Pelajar.....	6
3.10 Penganugerahan Ijazah	6
4. Proses Dan Dokumen Untuk Kelulusan	7
5. Ringkasan.....	8
BAB 2: GARIS PANDUAN PROGRAM DUAL IJAZAH (DUAL DEGREE).....	9
1. Pengenalan.....	9
2. Takrifan dan Huraian	9
3. Pelaksanaan Program	10
3.1 Syarat Kemasukan dan Pendaftaran Program.....	10
3.2 Memorandum Perjanjian (MoA)	11
3.3 Yuran Pengajian.....	11
3.4 Tempoh Pengajian	11
3.5 Pembangunan Kurikulum	12
3.6 Penyeliaan	13
3.7 Pentaksiran	14
3.8 Harta intelek.....	14
3.9 Kemudahan Pelajar.....	14
3.10 Penganugerahan Ijazah	14

4. Proses dan Dokumen Untuk Kelulusan.....	15
5. Ringkasan.....	16
BAB 3: GARIS PANDUAN IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE).....	17
1. Pengenalan.....	17
2. Takrifan dan Huraian	17
3. Pelaksanaan Program	17
3.1 Kemasukan dan Pendaftaran Program.....	18
3.2 Memorandum Perjanjian (MoA)	18
3.3 Yuran Pengajian.....	18
3.4 Tempoh Pengajian	19
3.5 Pembangunan Kurikulum	20
3.6 Penyeliaan	20
3.7 Pentaksiran	20
3.8 Harta Intelek.....	21
3.9 Kemudahan Pelajar.....	21
3.10 Penganugerahan Ijazah	21
4. Proses dan Dokumen Untuk Kelulusan.....	22
RINGKASAN PROGRAM DWI IJAZAH, DUAL IJAZAH DAN IJAZAH BERSAMA	24
RUJUKAN.....	27

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PROGRAM DWI IJAZAH,
DUAL IJAZAH DAN IJAZAH BERSAMA**

PENGERUSI

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

PENGERUSI BERSAMA

Prof. Dr. Nurahimah Mohd Yusoff

AHLI JAWATANKUASA UTAMA

Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar
Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf
Prof. Madya Dr. Salniza Md Salleh
Prof. Madya Ts Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar
Prof. Madya Dr. Osman Ghazali
Prof. Madya Dr. Mazlan Ismail
Dr. Arpah Abu Bakar
En. Mohd Zamri Ahmad
En. Abd. Rahman Mohd Isa

SEKRETARIAT BERSAMA

Puan Liyana Al-hany binti Abdul Halim
Puan Nurhadayah binti Abdul Rahim

PRAKATA

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Sesungguhnya, keperluan kepada satu garis panduan umum bagi membantu pengurusan Universiti dan Pusat Pengajian merangka pelaksanaan dan pengurusan program Dwi Ijazah, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama sama ada di peringkat dalaman, antara Universiti tempatan mahupun dengan Universiti Luar Negara amat diperlukan. Bagi merealisasi hasrat tersebut, Universiti melalui keputusan Senat, telah menubuhkan satu jawatankuasa penyediaan garis panduan yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang berkaitan.

Semoga garis panduan yang terhasil ini memberi manfaat kepada semua.

Terima kasih.

PROFESOR DR YUSNIDAH IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia

GLOSARI

Universiti Asal (Home University)

Universiti Asal yang menawarkan program Dwi Ijazah, Dual Ijazah atau Ijazah Bersama sama ada bagi program peringkat Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar akan mendaftar kali pertama dalam tahun pengajian mereka di Universiti tersebut.

Universiti Hos (Host University)

Universiti Hos yang menawarkan program Dwi Ijazah, Dual Ijazah atau Ijazah Bersama pada peringkat Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali kedua dalam tahun pengajian mereka di Universiti berkenaan.

Dwi Ijazah (Double Degree)

Gabungan dua program pengajian daripada bidang yang berbeza, yang melibatkan institusi yang sama atau dua institusi penganugerahan ijazah (degree granting institution) bekerjasama, dan mempunyai status yang sama (equal standing) yang membawa kepada penganugerahan dua skrol berasingan oleh institusi yang terlibat.

Dual Ijazah (Dual Degree)

Gabungan dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan dua institusi penganugerahan ijazah yang bekerjasama dan setanding membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi yang terlibat. Secara terperinci Dual Ijazah ini merupakan penawaran dua program pengajian dari dua bidang yang sama atau hampir sama antara UUM dengan institusi pengajian tinggi lain dalam Malaysia atau luar negara.

Ijazah Bersama (Joint Degree)

Program pengajian yang melibatkan pembangunan kurikulum secara kerjasama oleh dua atau lebih institusi penganugerah ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan satu skrol oleh institusi yang terlibat.

SINGKATAN

UUM	Universiti Utara Malaysia
LPU	Lembaga Pengarah Universiti
MoA	<i>Memorandum of Agreement</i>
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency/ Agensi Kelayakan Malaysia</i>
MQR	<i>Malaysian Qualifications Register/ Daftar Kelayakan Malaysia</i>
NEC	<i>National Education Code/ Kod Pendidikan Nasional</i>

BAB1: GARIS PANDUAN PROGRAM DWI IJAZAH (DOUBLE DEGREE)

1. Pengenalan

Selari dengan visi universiti untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka yang menawarkan program-program yang berkualiti, kompetitif dan diiktiraf oleh badan profesional/akreditasi dalam dan luar negara, satu garis panduan yang menjelaskan polisi dan kaedah perlaksanaan program Dwi Ijazah disediakan. Garis panduan ini diharapkan dapat menjadi dokumen rujukan utama yang membantu dan memudahkan pihak pengurusan universiti dalam mengendalikan penawaran program Dwi Ijazah di Universiti Utara Malaysia (UUM).

2. Takrifan dan Huraian

- 2.1 Program Dwi Ijazah adalah gabungan dua program pengajian daripada bidang yang berbeza, yang melibatkan institusi yang sama atau dua institusi penganugerahan ijazah (degree granting institution) bekerjasama, dan mempunyai status yang sama (*equal standing*) yang membawa kepada penganugerahan dua skrol berasingan oleh institusi yang terlibat.

Contoh pertama: Sarjana Muda Sains Komputer/ Bachelor of Computer Science dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan/ Bachelor of Business Administration.

Contoh kedua: Sarjana Sains Kewangan / Master of Science (Finance) dan Sarjana Sains Perniagaan Antarabangsa / Master of Science (International Business).

- 2.2 Program Dwi Ijazah melibatkan penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos.

Universiti Asal bermaksud universiti yang menawarkan program Dwi Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali pertama dalam tahun pengajian mereka di Universiti Asal.

Universiti Hos bermaksud universiti yang menawarkan program Dwi Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali kedua dalam tahun pengajian mereka di Universiti Hos.

3. Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program bagi Dwi Ijazah di UUM melibatkan tahap pengajian dan mod penawaran seperti perkara berikut;

- i) Peringkat ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

- ii) Program yang ditawarkan secara mod kerja kursus (course work) atau kerja kursus dan disertasi (mixed mode) atau penyelidikan (research).
- iii) Program yang mantap dan mendapat akreditasi dalam/luar negara.

3.1 Syarat Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 3.1.1 Pelajar perlu memenuhi syarat kemasukan asal kedua-dua program Dwi Ijazah.
- 3.1.2 Jika salah satu syarat kemasukan program lebih rendah dari program kedua, maka syarat kelayakan pelajar yang dipilih perlu mengikuti syarat kemasukan program yang lebih tinggi syarat kemasukannya.
- 3.1.3 Kemasukan dan pendaftaran program bagi setiap peringkat pengajian adalah seperti berikut:

i) Sarjana Muda

Pelajar sarjana muda yang memperolehi sekurang-kurangnya keputusan purata mata gred kumulatif (CGPA) 3.00 layak memohon ke program ini. Pendaftaran pelajar ke program Dwi Ijazah di Universiti Asal akan dilakukan pada semester kedua pengajian dan akan mengikuti program di Universiti Hos selepas semester ketiga.

ii) Sarjana dan Kedoktoran (Kerja Kursus; Kerja Kursus dan Disertasi)

Pelajar sarjana (kerja kursus, kerja kursus dan disertasi) yang memperolehi sekurang-kurangnya keputusan purata mata gred kumulatif (CGPA) 3.00 pada semester pertama, layak memohon ke program ini. Pendaftaran pelajar ke program Dwi Ijazah di Universiti Asal akan dilakukan pada semester kedua pengajian dan pelajar boleh mengikuti program di Universiti Hos pada semester kedua.

iii) Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)

Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan boleh memohon untuk mengikuti program ini selepas lulus kerja kursus yang telah ditetapkan dalam struktur program. Pelajar hanya boleh mengikuti program di Universiti Hos setelah lulus sesi mempertahankan proposal.

- 3.1.4 Terdapat dua kaedah penerimaan kemasukan iaitu:

i) Secara serentak (concurrent)

Pemilihan pelajar dibuat pada peringkat awal berdasarkan syarat kemasukan program melalui UPU atau institusi berkenaan.

ii) **Secara berturutan (sequential)**

Pemilihan pelajar dibuat melalui kaedah penerapan amalan semasa (kaedah pertukaran program akademik asal). Penawaran program Dwi Ijazah boleh dibuat kepada pelajar yang mencapai minimum CGPA 3.00 pada semester pertama pengajian.

3.2 Memorandum Perjanjian (MoA)

Memorandum perjanjian (MoA) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM perlu ditandatangani oleh UUM dan institusi yang bekerjasama bagi memastikan segala aspek operasi, prasyarat program, pelaksanaan, jaminan kualiti akademik dan pengijazahan pelajar adalah terjamin.

3.3 Yuran Pengajian

- 3.3.1 Yuran pengajian pelajar adalah seperti yang telah ditetapkan oleh kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos.
- 3.3.2 Pembiayaan yuran pengajian adalah di bawah tanggungjawab pelajar dan perlu membayar yuran pengajian mengikut tarikh dan tempoh yang telah ditetapkan.
- 3.3.3 Pelajar hendaklah memaklumkan kepada pihak yang memberi tajaan atau pihak pemberi pinjaman yuran pengajian sekiranya ditawarkan ke program Dwi Ijazah.
- 3.3.4 Pelajar hendaklah memaklumkan kepada pihak yang memberi tajaan atau pihak pemberi pinjaman yuran pengajian dengan kadar segera sekiranya menarik diri atau dibatalkan dari mengikuti program Dwi Ijazah.
- 3.3.5 Pengesahan status pelajar dan bayaran mengikut keperluan penaja perlu dibuat di institusi semasa.
- 3.3.6 Pihak penaja hanya akan berhubung dengan pihak Universiti Asal bagi perkara berkaitan penajaan pelajar
- 3.3.7 Tatacara dan kadar-kadar yuran pengajian yang berbentuk *reciprocal* boleh berlaku iaitu pelajar akan membayar yuran pengajian di universiti masing-masing sepanjang pengajian walaupun berlaku pertukaran universiti. Walaubagaimanapun, perkara ini perlu diperhalusi dan diperjelaskan dengan terperinci di dalam MoA di antara universiti terlibat.

3.4 Tempoh Pengajian

- 3.4.1 Tempoh minimum penawaran program
 - i. Bagi program Sarjana Muda tempoh minimum adalah 4 tahun.
 - ii. Bagi program Sarjana dan Kedoktoran tempoh minimum bagi program sarjana adalah 2 semester dan tempoh maksimum adalah 6 semester.

Namun, tempoh penawaran akan berbeza mengikut gabungan program yang ditawarkan.
- 3.4.2 Tempoh permastautin (*residential year*)
 - i) Tempoh bermastautin bagi program Sarjana Muda, hendaklah sekurang-kurangnya 2 semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos) atau seperti yang termaktub dalam perjanjian secara MoA di antara universiti terlibat.
 - ii) Tempoh bermastautin bagi program Sarjana dan Kedoktoran, hendaklah sekurang-kurangnya 1 semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos) atau seperti yang termaktub dalam MoA di antara universiti terlibat.

3.5 Pembangunan Kurikulum

- 3.5.1 Program Universiti Asal dan Universiti Hos yang dipilih hendaklah telah mencapai status akreditasi penuh.
- 3.5.2 Struktur kurikulum program Dwi Ijazah ditentukan dan dipersetujui oleh kedua-dua universiti secara bersama.
- 3.5.3 Perlaksanaan program Dwi Ijazah boleh dijalankan secara serentak atau berturutan.
- 3.5.4 Bagi program Sarjana Muda, jumlah kredit minimum bagi program Dwi Ijazah adalah 174 jam kredit. Manakala, bagi program Sarjana dan Kedoktoran, jumlah kredit minimum tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak.
- 3.5.5 Jumlah kredit bergraduat adalah berbeza mengikut keperluan program standard atau badan profesional masing-masing.
- 3.5.6 Persetaraan kursus adalah mengikut persetujuan kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.

- 3.5.7 Program Dwi Ijazah perlu memastikan keperluan minimum program standard kedua-dua program standard asal dipenuhi semasa pembangunan kurikulum program akademik.
- 3.5.8 Pelaksanaan program Dwi Ijazah perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancangan Akademik, Senat dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) sebelum dilaksanakan dan ditawarkan kepada pelajar. Kertas kerja ke JKPT perlu disertai dengan perkara berikut (*Tertakluk kepada perubahan):-
- Justifikasi penawaran program Dwi Ijazah
 - Kajian Pasaran
 - Lokasi pelaksanaan induk dan persisiran
 - Keperluan badan profesional perlu dinyatakan (jika ada)
 - Surat kelulusan asal program
 - Mekanisma pemilihan pelajar untuk pelajar (kohot baharu dan pelajar yang ingin menukar program dari program asal).

3.6 Penyeliaan

- 3.6.1 Pelantikan penyelia bagi program Dwi Ijazah adalah melibatkan penyelia dari universiti dimana penyeliaan dilaksanakan.
- 3.6.2 Bagi program Sarjana Muda, sekiranya kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos mewajibkan penyelidikan (projek ilmiah), perbezaan skop kajian antara tesis adalah seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua penyelia.
- 3.6.3 Bagi program Sarjana dan Kedoktoran mod campuran dan mod penyelidikan
- i) Pelantikan penyelia adalah melibatkan penyelia utama dari kedua-dua universiti.
 - ii) Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di Universiti Asal dan Universiti Hos.
 - iii) Bilangan sesi peperiksaan lisan dijalankan adalah bergantung kepada keperluan kedua-dua universiti.
 - iv) Secara penyelidikan sepenuhnya mesti melibatkan penghasilan dua tesis dengan perbezaan skop kajian antara tesis seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua penyelia.

3.7 Pentaksiran

Bilangan dan kaedah pentaksiran adalah mengikut syarat yang ditetapkan di Universiti Asal dan Universiti Hos.

3.8 Harta Intelek

UUM mempunyai segala hak, pemilikan dan kepentingan kepada dan/atau dalam semua Harta Intelek yang dicipta hasil daripada pelaksanaan program berkenaan.


3.9 Kemudahan Pelajar

Pelajar boleh mendapat kemudahan (jika ada) yang disediakan semasa pelajar berada di Universiti Asal atau Universiti Hos. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh universiti masing-masing dan diperincikan di dalam perjanjian secara MoA di antara universiti terlibat.

3.10 Penganugerahan Ijazah

- 3.10.1 Pelajar yang telah berjaya melengkapkan jumlah kredit yang ditetapkan dan memenuhi syarat tamat pengajian akan menerima transkrip dan skrol bagi program Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran akan dianugerahkan dengan dua skrol dari kedua-dua universiti berkenaan.
- 3.10.2 Bagi pelajar yang mengikuti program Dwi Ijazah secara berturutan, sekiranya prestasi pelajar semasa mengikuti program tersebut tidak mencapai tahap keputusan akademik minimum yang ditetapkan, maka pelajar boleh dianugerahkan dengan satu ijazah sahaja mengikut syarat dan ketetapan program yang telah ditentukan oleh universiti masing-masing.
- 3.10.3 Pernyataan jenis program Dwi Ijazah adalah tercatat di transkrip sahaja.
- 3.10.4 Sekiranya prestasi pelajar semasa mengikut program Dwi Ijazah tidak mencapai tahap keputusan akademik minimum yang ditetapkan, maka pelajar boleh dianugerahkan dengan satu ijazah sahaja mengikut syarat dan ketetapan program yang telah ditentukan oleh Universiti Asal.
- 3.10.5 Nomenclature penganugerahan Dwi Ijazah adalah mengikut nama program di kedua-dua universiti yang telah medapat kelulusan dan pengiktirafan badan berautoriti.

4. Proses Dan Dokumen Untuk Kelulusan



5. Ringkasan

BIL	PERKARA	DWI IJAZAH
1.	Kuasa Tertinggi Kelulusan Pelaksanaan	JKPT, KPM
2.	Pemilikan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti
3.	Akreditasi	Progam yang telah mendapat akreditasi
4.	MOA	Memerlukan MOA
5.	Syarat Kemasukan	Merujuk kepada kedua-dua universiti
6.	Pendaftaran Pelajar	Di kedua-dua universiti
7.	Yuran Pelajar	Bayaran di kedua-dua universiti
8.	Istilah Universiti Asal dan Universiti Hos	Penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos
9.	Struktur Kurikulum	Ditentukan oleh kedua-dua universiti
10.	Perlaksanaan	Program secara serentak atau berturutan
11.	Perpindahan Kredit	Secara horizontal
12.	Pemastautin	Minimum adalah selama 2 semester bagi peringkat Sarjana Muda dan satu semester bagi peringkat Sarjana dan Kedoktoran di Universiti Hos dan tertakluk kepada persetujuan seperti termaktub dalam MoA
13.	Perlantikan Penyelia Utama	Penyelia utama dari setiap universiti
14.	Pelantikan Penyelia Bersama	Seorang dari setiap universiti
15.	Pelantikan Pemeriksa	Mengikut syarat Universiti Asal dan Universiti Hos
16.	Jenis Mod Program (Kerja Kursus/ Kerja Kursus & Penyelidikan / Penyelidikan)	Semua mod program
17.	Pentaksiran	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.
18.	Bilangan Tesis	2 tesis
19.	Peratusan Perbezaan Dua Tesis	Mengikut persetujuan kedua-dua universiti
20.	Syarat Penganugerahan	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti -tertakluk kepada syarat minimum 174 jam kredit bagi program Sarjana Muda atau seperti yang dipersetujui di dalam MoA
21.	Bilangan Skrol	2 skrol
22.	Format Skrol	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti
23.	Pernyataan Jenis Program	Tercatat di transkrip

BAB 2: GARIS PANDUAN PROGRAM DUAL IJAZAH (DUAL DEGREE)

1. Pengenalan

Selari dengan visi universiti untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka yang menawarkan program-program yang berkualiti, kompetitif dan diiktiraf oleh badan profesional/akreditasi dalam dan luar negara, satu garis panduan yang menjelaskan polisi dan kaedah perlaksanaan Dual Ijazah program disediakan. Garis panduan ini diharapkan dapat menjadi dokumen rujukan utama yang membantu dan memudahkan pihak pengurusan universiti dalam mengendalikan penawaran Dual Ijazah di Universiti Utara Malaysia (UUM)

2. Takrifan dan Huraian

2.1 Dual Ijazah merujuk kepada gabungan dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan dua institusi penganugerahan ijazah yang bekerjasama dan setanding membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi yang terlibat. Secara terperinci Dual Ijazah ini merupakan penawaran dua program pengajian dari dua bidang yang sama atau hampir sama antara UUM dengan institusi pengajian tinggi lain dalam Malaysia atau luar negara.

Contoh pertama : Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian dan Sarjana Muda Perbankan dengan Kepujian
Bachelor of Finance with Honours and Bachelor of Banking with Honours

Contoh kedua : Ijazah Sarjana Sains (Kewangan) dan Ijazah Sarjana Sains (Perbankan)
Master of Science (Finance) and Master of Science (Banking)

2.2 Penawaran program ini melibatkan universiti yang akan berperanan sebagai Universiti Asal dan Universiti Hos.

Universiti Asal bermaksud universiti yang menawarkan program Dwi Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali pertama dalam tahun pengajian mereka di Universiti Asal.

Universiti Hos bermaksud universiti yang menawarkan program Dwi Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali kedua dalam tahun pengajian mereka di Universiti Hos.

2.3 Takrifan bidang yang sama atau hampir sama adalah merujuk kepada bidang yang dinyatakan di dalam manual kod pendidikan nasional (NEC manual).

- 2.4 Beban akademik yang perlu diambil oleh pelajar untuk melayakkan mereka menerima dua ijazah daripada dua institusi yang bekerjasama adalah tertakluk kepada persetujuan yang dicapai antara kedua-dua institusi tersebut.

3. Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program bagi Dual Ijazah di UUM melibatkan tahap pengajian dan mod penawaran seperti perkara berikut;

- i) Peringkat ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.
- ii) Program yang ditawarkan secara mod kerja kursus (course work) atau kerja kursus dan disertasi (mixed mode) atau penyelidikan (research).
- iii) Program yang mantap dan mendapat akreditasi dalam/luar negara.

3.1 Syarat Kemasukan dan Pendaftaran Program

3.1.1 Pendaftaran pelajar ke program Dual Ijazah perlu dilakukan di kedua-dua universiti terlibat.

3.1.2 Kemasukan dan pendaftaran program bagi setiap peringkat pengajian adalah seperti berikut:

i) Sarjana Muda

Pelajar sarjana muda yang memperolehi sekurang-kurangnya keputusan purata mata gred kumulatif (CGPA) 3.00 layak memohon ke program ini. Pendaftaran pelajar ke program Dual Ijazah di Universiti Asal akan dilakukan pada semester kedua pengajian dan akan mengikuti program di Universiti Hos selepas semester ketiga.

ii) Sarjana dan Kedoktoran (Kerja Kursus; Kerja Kursus dan Disertasi)

Pelajar sarjana (kerja kursus, kerja kursus dan disertasi) yang memperolehi sekurang-kurangnya keputusan purata mata gred kumulatif (CGPA) 3.00 pada semester pertama, layak memohon ke program ini. Pendaftaran pelajar ke program Dual Ijazah di Universiti Asal akan dilakukan pada semester kedua pengajian dan pelajar boleh mengikuti program di Universiti Hos pada semester kedua.

iii) Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)

Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan boleh memohon untuk mengikuti program ini selepas lulus kerja kursus yang telah ditetapkan dalam struktur program. Pelajar hanya

boleh mengikuti program di Universiti Hos setelah lulus sesi mempertahankan proposal.

- 3.1.3 Syarat kemasukan ke program Dual Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua universiti.
- 3.1.4 Pelajar perlu mendaftar program pengajian secara berturutan (sequential).

3.2 Memorandum Perjanjian (MoA)

Memorandum perjanjian (MoA) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM perlu ditandatangani oleh UUM dan institusi yang bekerjasama bagi memastikan segala aspek operasi, prasyarat program, pelaksanaan, jaminan kualiti akademik dan pengijazahan pelajar adalah terjamin.

3.3 Yuran Pengajian

- 3.3.1 Pembayaran yuran pengajian oleh pelajar dibuat di kedua-dua universiti berdasarkan kadar yang dipersetujui secara bersama antara kedua-dua universiti berkenaan. Ia diperincikan di dalam MoA yang ditandatangani oleh kedua-dua universiti.
- 3.3.2 Bayaran ke Universiti Asal atau Universiti Hos dibuat semasa pelajar mendaftar dan aktif di universiti berkenaan.

3.4 Tempoh Pengajian

3.4.1 Tempoh minimum penawaran program

- i) Bagi program Sarjana Muda tempoh minimum adalah 4 tahun.
- ii) Bagi program Sarjana dan Kedoktoran tempoh minimum bagi program sarjana adalah 2 semester dan tempoh maksimum adalah 6 semester.

Namun, tempoh penawaran akan berbeza mengikut gabungan program yang ditawarkan.

3.4.2 Tempoh permastautin (residential year)

- i) Tempoh bermastautin bagi program Sarjana Muda, hendaklah sekurang-kurangnya 2 semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos) atau seperti yang termaktub dalam perjanjian secara MoA di antara universiti terlibat.

- ii) Tempoh bermastautin bagi program Sarjana dan Kedoktoran, hendaklah sekurang-kurangnya 1 semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos) atau seperti yang termaktub dalam MoA di antara universiti terlibat.
- 3.4.3 Beban jam kredit program pengajian di Universiti Hos adalah seperti berikut:

i) Sarjana Muda

Tempoh minimum permastautin ketika mengikuti program di Universiti Hos adalah sekurang-kurangnya dua semester, atau 15 – 21 jam kredit bagi program sarjana muda.

ii) Sarjana

Tempoh minimum permastautin ketika mengikuti program di Universiti Hos adalah sekurang-kurangnya satu semester, atau 9 – 15 jam kredit bagi program sarjana.

iii) Kedoktoran

Tempoh minimum permastautin ketika mengikuti program di Universiti Hos adalah sekurang-kurangnya 1 tahun pengajian.

Anggaran tempoh pengajian minimum permastautin di Universiti Hos ialah seperti Jadual 1.

Anggaran Tempoh Pengajian Minimum Permastautin di Universiti Hos

Program Pengajian	Tempoh Minimum Pemastautin di Universiti Hos	Anggaran Jam Kredit (Universiti Hos)	Anggaran Bilangan Kursus (Universiti Hos)
Sarjana Muda	2 Semester	15 -21 kredit	5 - 7 kursus
Sarjana	1 Semester	9 -12 kredit	3 - 4 kursus
Kedoktoran	1 tahun pengajian	Penyelidikan	Penyelidikan

3.5 Pembangunan Kurikulum

- 3.5.1 Struktur kurikulum bagi Dual Ijazah akan ditentukan oleh kedua-dua universiti yang terlibat (Universiti Asal dan Universiti Hos) dan diperincikan di dalam MoA.
- 3.5.2 Sekiranya UUM pula berperanan sebagai Universiti Hos maka pelaksanaan adalah tertakluk kepada peraturan Universiti Asal dan persetujuan yang dicapai antara UUM dan Universiti Asal.

- 3.5.3 Pindahan dan pengecualian kredit bagi program Sarjana Muda dan Sarjana secara mod kerja kursus / kerja kursus dan disertasi, boleh dilakukan secara horizontal. Pelajar layak untuk mendapatkan peratusan perpindahan kredit mengikut syarat perpindahan kredit secara horizontal oleh MQA dan universiti masing-masing.
- 3.5.4 Contoh simulasi struktur kurikulum Dual Ijazah Program Sarjana Muda seperti Jadual 2 di bawah.

Contoh Simulasi Struktur Kurikulum bagi Program Sarjana Muda

Kursus/Subjek	Universiti Asal (Jam Kredit)	Universiti Asal (Bilangan Kursus)	Universiti Hos (Jam Kredit-Minimum)	Universiti Hos (Bilangan Kursus - Minimum)	Jumlah Jam Kredit	Jumlah Bilangan Kursus
Mata Pelajaran Umum	15	5	0	0	15	5
Kursus Teras Program	42	14	12	4	54	18
Kursus Tumpuan Program	24	8	6	2	30	10
Kursus Elektif Program	12	4	3	1	15	5
Latihan Industri	8	1	0	0	8	1
Jumlah	101	32	21	7	122	39
Peratusan Jam Kredit	83%		17%			
Jumlah Jam Kredit Program	122	Jam Kredit				
Jumlah Bilangan Subjek Program	39	Subjek				

3.6 Penyeliaan

- 3.6.1 Struktur program yang melibatkan komponen penyelidikan akan ditentukan oleh kedua-dua universiti yang terlibat (Universiti Asal dan Universiti Hos) dan diperincikan di dalam MoA.
- 3.6.2 Kedua-dua universiti perlu melantik seorang penyelia bagi program yang melibatkan komponen penyelidikan.
- 3.6.3 Penyelia dari Universiti Asal akan berperanan sebagai penyelia utama manakala penyelia dari Universiti Hos akan berperanan sebagai penyelia bersama.

3.7 Pentaksiran

- 3.7.1 Pentaksiran bagi program secara kerja kursus adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan di Universiti Asal dan Universiti Hos.
- 3.7.2 Pemeriksa Tesis Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)
 - i) Pelantikan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di universiti Asal.
 - ii) Pelajar perlu menyediakan hanya satu tesis penyelidikan dan menjalani satu sesi pemeriksaan lisan sahaja. Pemeriksaan lisan boleh dilaksanakan dimana-mana universiti yang dipersetujui bersama antara Universiti Asal dan Universiti Hos.

3.8 Harta intelek

Pemilikan hak harta intelek yang terhasil daripada kerjasama antara Universiti Asal dan Universiti Hos tertakluk kepada persetujuan bersama dan akan diperincikan dalam MoA yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak yang bekerjasama.

3.9 Kemudahan Pelajar

Pelajar boleh mendapat kemudahan (jika ada) yang disediakan semasa pelajar berada di Universiti Asal atau Universiti Hos. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh universiti masing-masing dan diperincikan di dalam MoA.


3.10 Penganugerahan Ijazah

- 3.10.1 Syarat penganugerahan ijazah bagi program Dual Ijazah perlu memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 3.10.2 Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam penawaran program Dual Ijazah ini. Pernyataan khas (linking statement) yang menghubungkan dua skrol penganugerahan perlu tercatat di dalam skrol.
- 3.10.3 Pernyataan jenis program Dual Ijazah adalah tercatat di transkrip sahaja.
- 3.10.4 Sekiranya prestasi pelajar semasa mengikut program Dual Ijazah tidak mencapai tahap keputusan akademik minimum yang ditetapkan, maka pelajar boleh dianugerahkan dengan

satu ijazah sahaja mengikut syarat dan ketetapan program yang telah ditentukan oleh pusat pengajian atau Universiti Asal.

- 3.10.5 Nomenclature penganugerahan Dual Ijazah adalah mengikut nama program di kedua-dua universiti yang telah medapat kelulusan dan pengiktirafan badan berautoriti.

4. Proses dan Dokumen Untuk Kelulusan



5. Ringkasan

BIL.	PERKARA	DUAL IJAZAH
1.	Kuasa Tertinggi Kelulusan Pelaksanaan	JKPT, KPM
2.	Pemilikan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti
3.	Akreditasi	Progam yang telah mendapat akreditasi
4.	MoA	Memerlukan MoA
5.	Syarat Kemasukan	Merujuk kepada kedua-dua universiti
6.	Pendaftaran Pelajar	Di kedua-dua universiti
7.	Yuran Pelajar	Bayaran di kedua-dua universiti
8.	Istilah Universiti Asal dan Universiti Hos	Penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos.
9.	Struktur Kurikulum	Ditentukan oleh kedua-dua universiti
10.	Perlaksanaan	Program secara berturutan bagi semua mod pengajian.
11.	Perpindahan Kredit	Secara horizontal
12.	Pemastautin	Minimum adalah selama 2 semester bagi peringkat Sarjana Muda dan satu semester bagi peringkat Sarjana Kedoktoran di Universiti Hos dan tertakluk kepada persetujuan seperti termaktub dalam MoA
13.	Pelantikan Penyelia Utama	Penyelia utama (Universiti Asal) dan penyelia bersama (Universiti Hos)
14.	Pelantikan Penyelia Bersama	Seorang dari setiap universiti
15.	Pelantikan Pemeriksa	Mengikut syarat Universiti Asal
16.	Jenis Mod Program (Kerja Kursus/ Kerja Kursus & Penyelidikan/ penyelidikan)	Semua mod program
17.	Pentaksiran	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.
18.	Bilangan Tesis	1 tesis
19.	Syarat Penganugerahan	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti
20.	Bilangan Skrol	2 skrol
21.	Format Skrol	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti dan meletakkan <i>linking statement</i>
22.	Pernyataan	Tercatat di transkrip

BAB 3: GARIS PANDUAN IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE)

1. Pengenalan

Selari dengan visi universiti untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka yang menawarkan program-program yang berkualiti, kompetitif dan diiktiraf oleh badan profesional/akreditasi dalam dan luar negara, satu garis panduan yang menjelaskan polisi dan kaedah perlaksanaan program Ijazah Bersama disediakan. Garis panduan ini diharapkan dapat menjadi dokumen rujukan utama yang membantu dan memudahkan pihak pengurusan universiti dalam mengendalikan penawaran Ijazah Bersama di Universiti Utara Malaysia (UUM)

2. Takrifan dan Huraian

- 2.1 Ijazah Bersama merujuk kepada program pengajian yang melibatkan pembangunan kurikulum secara kerjasama oleh dua atau lebih institusi penganugerah ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan satu skrol oleh institusi yang terlibat.
- 2.2 Penawaran program ini melibatkan universiti yang akan berperanan sebagai Universiti Asal dan Universiti Hos.

Universiti Asal bermaksud universiti yang menawarkan program Dwi Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali pertama dalam tahun pengajian mereka di Universiti Asal.

Universiti Hos bermaksud universiti yang menawarkan program Dwi Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran di mana pelajar mendaftar kali kedua dalam tahun pengajian mereka di Universiti Hos.

- 2.3 Di akhir pengajian pelajar yang tamat akan dianugerahkan dengan satu sijil kelayakan (skrol) yang akan tertera logo kedua-dua universiti yang bekerjasama dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti terlibat.

3. Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program bagi Ijazah Bersama di UUM melibatkan tahap pengajian dan mod penawaran seperti perkara berikut;

- i) Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.
- ii) Program yang ditawarkan secara mod kerja kursus (course work) atau kerja kursus dan disertasi (mixed mode) atau penyelidikan (research).
- iii) Program baharu atau program sedia ada yang mantap. Bagi program baharu ia perlu mendapat akreditasi penuh MQA/luar negara.

3.1 Kemasukan dan Pendaftaran Program

3.1.1 Pendaftaran pelajar ke program Ijazah Bersama perlu dilakukan di kedua-dua universiti terlibat.

3.1.2 Kemasukan dan pendaftaran bagi program Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran bagi adalah seperti berikut:

i) Sarjana Muda

Pendaftaran pelajar ke program Ijazah Bersama dilakukan secara serentak di Universiti Asal dan Universiti Hos pada semester pertama pengajian. Seterusnya pelajar akan mengikuti program di Universiti Hos selepas melengkapkan jumlah kredit yang dipersetujui antara kedua-dua universiti terlibat.

ii) Sarjana dan Kedoktoran (Kerja Kursus; Kerja Kursus dan Disertasi)

Pendaftaran pelajar ke program Ijazah Bersama dilakukan secara serentak di Universiti Asal dan Universiti Hos pada semester pertama pengajian. Seterusnya pelajar akan mengikuti program di Universiti Hos selepas melengkapkan jumlah kredit yang dipersetujui antara kedua-dua universiti terlibat.

iii) Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)

Pelajar pascasiswa mod penyelidikan boleh memohon untuk mengikuti program ini selepas lulus kerja kursus yang telah ditetapkan dalam struktur program. Pelajar hanya boleh mengikuti program di Universiti Hos setelah lulus sesi mempertahankan proposal di Universiti Asal.

3.1.3 Syarat kemasukan ke program Ijazah Bersama tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua universiti.

3.2 Memorandum Perjanjian (MoA)

Memorandum perjanjian (MoA) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM perlu ditandatangani oleh UUM dan institusi yang bekerjasama bagi memastikan segala aspek operasi, prasyarat program, pelaksanaan, jaminan kualiti akademik dan pengijazahan pelajar adalah terjamin.

3.3 Yuran Pengajian

3.3.1 Pembayaran yuran pengajian oleh pelajar dibuat di kedua-dua universiti berdasarkan kadar yang dipersetujui secara bersama

antara kedua-dua universiti berkenaan. Ia diperincikan di dalam MoA yang ditandatangani oleh kedua-dua universiti.

- 3.3.2 Bayaran ke Universiti Asal atau Universiti Hos dibuat semasa pelajar mendaftar dan aktif di universiti berkenaan.

3.4 Tempoh Pengajian

3.4.1 Tempoh minimum penawaran program

- i. Bagi program Sarjana Muda tempoh minimum adalah 4 tahun.
- ii. Bagi program Sarjana dan Kedoktoran tempoh minimum bagi program sarjana adalah 2 semester dan tempoh maksimum adalah 6 semester.

Namun, tempoh penawaran akan berbeza mengikut gabungan program yang ditawarkan.

Tempoh permastautin (*residential year*)

- i. Tempoh bermastautin bagi program Sarjana Muda, hendaklah sekurang-kurangnya 2 semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos) atau seperti yang termaktub dalam perjanjian secara MoA di antara universiti terlibat.
- ii. Tempoh bermastautin bagi program Sarjana dan Kedoktoran, hendaklah sekurang-kurangnya 1 semester di setiap universiti sepanjang pengajian (kedua-dua Universiti Asal dan Universiti Hos) atau seperti yang termaktub dalam MoA di antara universiti terlibat.

- 3.4.2 Tempoh mengikuti pengajian di Universiti Hos adalah seperti berikut:

i) Sarjana Muda

Tempoh minimum permastautin ketika mengikuti program di Universiti Hos adalah sekurang-kurangnya dua semester.

ii) Sarjana

Tempoh minimum permastautin ketika mengikuti program di Universiti Hos adalah sekurang-kurangnya satu semester.

iii) Kedoktoran

Tempoh minimum permastautin ketika mengikuti program di Universiti Hos adalah sekurang-kurangnya 1 tahun pengajian.

3.5 Pembangunan Kurikulum

- 3.5.1 Struktur kurikulum bagi Ijazah Bersama akan ditentukan oleh kedua-dua universiti yang terlibat (Universiti Asal dan Universiti Hos) dan diperincikan di dalam MoA.
- 3.5.2 Sekiranya UUM pula berperanan sebagai Universiti Hos maka pelaksanaan adalah tertakluk kepada peraturan Universiti Asal dan persetujuan yang dicapai antara UUM dan Universiti Asal.
- 3.5.3 Pindahan dan pengecualian kredit bagi program Sarjana Muda dan Sarjana secara mod kerja kursus / kerja kursus dan disertasi, boleh dilakukan secara horizontal. Pelajar layak untuk mendapatkan peratusan perpindahan kredit mengikut syarat perpindahan kredit secara horizontal oleh MQA dan universiti masing-masing.

3.6 Penyeliaan

- 3.6.1 Struktur program yang melibatkan komponen penyelidikan akan ditentukan oleh kedua dua universiti yang terlibat (Universiti Asal dan Universiti Hos) dan diperincikan di dalam MoA.
- 3.6.2 Penyelia dari Universiti Asal akan berperanan sebagai penyelia utama manakala penyelia dari universiti Hos akan berperanan sebagai penyelia bersama.
- 3.6.3 Universiti Asal boleh melantik lebih dari seorang penyelia untuk tujuan penyeliaan.

3.7 Pentaksiran

- 3.7.1 Pentaksiran bagi program secara kerja kursus adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan di Universiti Asal dan Universiti Hos.
- 3.7.2 Pemeriksa Tesis Sarjana dan Kedoktoran (Penyelidikan)
 - i) Pelantikan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan di Universiti Asal.
 - ii) Pelajar perlu menyediakan hanya satu tesis penyelidikan dan menjalani satu sesi pemeriksaan lisan sahaja. Pemeriksaan lisan boleh dilaksanakan di mana-mana

universiti yang dipersetujui bersama antara Universiti Asal dan Universiti Hos.

3.8 Harta Intelek

Pemilikan hak harta intelek yang terhasil daripada kerjasama antara Universiti Asal dan Universiti Hos tertakluk kepada persetujuan bersama dan akan diperincikan dalam MoA yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak yang bekerjasama.


3.9 Kemudahan Pelajar

Pelajar boleh mendapat kemudahan (jika ada) yang disediakan semasa pelajar berada di Universiti Asal atau Universiti Hos. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh universiti masing-masing dan diperincikan di dalam MoA.

3.10 Penganugerahan Ijazah

- 3.10.1 Syarat penganugerahan ijazah bagi program Ijazah Bersama perlu memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti.
- 3.10.2 Pelajar akan menerima satu skrol yang dikeluarkan oleh Universiti Asal dan memaparkan dua logo universiti dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti terlibat dalam penawaran program Ijazah Bersama ini. Pernyataan program Ijazah Bersama adalah tercatat di transkrip.
- 3.10.3 Nomenclature penganugerahan Ijazah Bersama adalah mengikut nama yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti.

4. Proses dan Dokumen Untuk Kelulusan



5. Ringkasan

BIL.	PERKARA	IJAZAH BERSAMA
1.	Kuasa Tertinggi Kelulusan Pelaksanaan	JKPT, KPM
2.	Pemilikan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti
3.	Akreditasi	Progam yang telah mendapat akreditasi
4.	MoA	Memerlukan MoA
5.	Syarat Kemasukan	Merujuk kepada kedua-dua universiti
6.	Pendaftaran Pelajar	Di kedua-dua universiti secara serentak
7.	Yuran Pelajar	Bayaran di kedua-dua universiti
8.	Istilah Universiti Asal dan Universiti Hos	Penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos
9.	Struktur Kurikulum	Ditentukan oleh kedua-dua universiti
10.	Perlaksanaan	Program secara berturutan bagi semua mod pengajian.
11.	Perpindahan Kredit	Secara horizontal
12.	Pemastautin	Minimum 2 semester bagi peringkat Sarjana Muda, satu semester bagi peringkat Sarjana dan satu tahun pengajian bagi program Kedoktoran di Universiti Hos dan tertakluk kepada persetujuan seperti termaktub dalam MoA
13.	Pelantikan Penyelia Utama	Penyelia utama (Universiti Asal) dan penyelia bersama (Universiti Hos)
14.	Pelantikan Penyelia Bersama	Seorang dari setiap universiti
15.	Pelantikan Pemeriksa	Mengikut syarat Universiti Asal
16.	Jenis Mod Program (Kerja Kursus/ Kerja Kursus & Penyelidikan / Penyelidikan)	Semua mod program
17.	Pentaksiran	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.
18.	Bilangan Tesis	1 tesis
19.	Syarat Penganugerahan	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti
20.	Bilangan Skrol	1 skrol
21.	Format Skrol	Skrol dikeluarkan oleh Universiti Asal yang memaparkan dua logo dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti terlibat.
22.	Pernyataan Ijazah Bersama	Tercatat di transkrip

RINGKASAN PROGRAM DWI IJAZAH, DUAL IJAZAH DAN IJAZAH BERSAMA

BIL.	PERKARA	DWI IJAZAH	DUAL IJAZAH	IJAZAH BERSAMA
1.	Kuasa Tertinggi Kelulusan Pelaksanaan	JKPT, KPM	JKPT, KPM	JKPT, KPM
2.	Pemilikan	Dimiliki oleh kedua-dua universiti	Dimiliki oleh kedua-dua universiti	Dimiliki oleh kedua-dua universiti
3.	Akreditasi	Progam yang telah mendapat akreditasi	Progam yang telah mendapat akreditasi	Progam yang telah mendapat akreditasi
4.	MoA	Memerlukan MoA	Memerlukan MoA	Memerlukan MoA
5.	Syarat Kemasukan	Merujuk kepada kedua-dua universiti	Merujuk kepada kedua-dua universiti	Merujuk kepada kedua-dua universiti
6.	Pendaftaran Pelajar	Di kedua-dua universiti	Di kedua-dua universiti	Di kedua-dua universiti secara serentak
7.	Yuran Pelajar	Bayaran di kedua-dua universiti	Bayaran di kedua-dua universiti	Bayaran di kedua-dua universiti
8.	Istilah Universiti Asal dan Universiti Hos	Penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos	Penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos.	Penggunaan istilah Universiti Asal dan Universiti Hos
9.	Struktur Kurikulum	Ditentukan oleh kedua-dua universiti	Ditentukan oleh kedua-dua universiti	Ditentukan oleh kedua-dua universiti
10.	Perlaksanaan	Program secara serentak atau berturutan	Program secara berturutan bagi semua mod pengajian.	Program secara berturutan bagi semua mod pengajian.
11.	Perpindahan Kredit	Secara horizontal	Secara horizontal	Secara horizontal
12.	Pemastautin	Minimum adalah selama 2 semester bagi peringkat Sarjana Muda dan satu semester bagi peringkat Sarjana dan Kedoktoran di Universiti Hos dan tertakluk kepada persetujuan seperti termaktub dalam MoA	Minimum adalah selama 2 semester bagi peringkat Sarjana Muda dan satu semester bagi peringkat Sarjana Kedoktoran di Universiti Hos dan tertakluk kepada persetujuan seperti termaktub dalam MoA	Minimum 2 semester bagi peringkat Sarjana Muda, satu semester bagi peringkat Sarjana dan satu tahun pengajian bagi program Kedoktoran di Universiti Hos dan tertakluk kepada

BIL.	PERKARA	DWI IJAZAH	DUAL IJAZAH	IJAZAH BERSAMA
				persetujuan seperti termaktub dalam MoA
13.	Pelantikan Penyelia Utama	Penyelia utama dari setiap universiti	Penyelia utama (Universiti Asal) dan penyelia bersama (Universiti Hos)	Penyelia utama (Universiti Asal) dan penyelia bersama (Universiti Hos)
14.	Pelantikan Penyelia Bersama	Seorang dari setiap universiti	Seorang dari setiap universiti	Seorang dari setiap universiti
15.	Pelantikan Pemeriksa	Mengikut syarat Universiti Asal dan Universiti Hos	Mengikut syarat Universiti Asal	Mengikut syarat Universiti Asal
16.	Jenis Mod Program (Kerja Kursus/ Kerja Kursus & Penyelidikan / Penyelidikan)	Semua mod program	Semua mod program	Semua mod program
17.	Pentaksiran	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.	Mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui antara Universiti Asal dan Universiti Hos.
18.	Bilangan Tesis	2 tesis	1 tesis	1 tesis
19.	Peratusan Perbezaan Dua Tesis	Mengikut persetujuan kedua-dua universiti	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
20.	Syarat Penganugerahan	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti - tertakluk kepada syarat minimum 174 jam kredit bagi program Sarjana Muda atau seperti yang dipersetujui di dalam MoA	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti	Memenuhi syarat penganugerahan kedua-dua universiti

BIL.	PERKARA	DWI IJAZAH	DUAL IJAZAH	IJAZAH BERSAMA
21.	Bilangan Skrol	2 skrol	2 skrol	1 skrol
22.	Format Skrol	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti	Skrol dikeluarkan oleh kedua-dua universiti dan meletakkan <i>linking statement</i>	Skrol dikeluarkan oleh Universiti Asal yang memaparkan dua logo dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti terlibat.
23.	Pernyataan Ijazah	Tercatat di transkrip	Tercatat di transkrip	Tercatat di transkrip

RUJUKAN

Advisory Note No. 1/2017, Terminology Standard bagi Program Joint Degree (JD) dan Double Degree (DD), MQA.

Advisory Note No. 7/2016: Panduan Pendidikan Fleksibel Dalam Penawaran

Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA.

Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, MQA, 2011.

Garis Panduan Ijazah-Dual dan Ijazah Bersama Sarjana dan Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Garis panduan ini dirujuk bersekali dengan dokumen-dokumen rujukan berikut:

Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Joint Supervision/Joint Degree/Dual Degree/Double Degree Di Peringkat Pasca Siswazah Majlis Dekan Pengajian Siswazah (MDPS)11.

Garis Panduan Pembangunan Dwi Ijazah (Double Degree) Peringkat Sarjana Muda Edisi Pertama 2018, Universiti Institut Teknologi Malaysia (UiTM).

Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam (GPPA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2015

Garis Panduan Pindah Kredit UUM

Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi dari tahun 2009 - 2017 (Edisi Kedua), Agensi Kelayakan Malaysia.

Polisi Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama Pengajian Siswazah Universiti Teknologi Malaysia (UTM).